

# Pelaburan semakin meningkat

» Kerajaan yakin capai sasaran negeri perindustrian menjelang 2015

B/H 20/7/12  
MS 13.

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bharian.com.my

**S**abah berada di landasan betul dalam menjayakan matlamat menjadi negeri perindustrian menjelang 2015.

Di bawah kepemimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, Sabah mencatat pelbagai perkembangan positif khususnya menerusi peningkatan pelaburan tahun lalu walaupun keadaan ekonomi global agak tidak menentu.

Lebih membanggakan, Sabah mencatat pelaburan berjumlah RM1.5 bilion dalam sektor pembuatan tahun lalu mengatasi RM940 juta direkodkan pada 2010.

Sektor pemprosesan makanan mencatat pelaburan tertinggi dengan RM629 juta, diikuti produk kimia (RM202 juta), minyak sawit mentah (RM127 juta), produk logam (RM40 juta), pembuatan peralatan pengangkutan (RM28 juta) dan industri biomassa (RM26 juta).

Keadaan Sabah yang mesra pelabur membolehkannya menerima pelaburan dalam pelbagai sektor mencecah RM13.7 bilion.

Rentak positif itu diteruskan apabila Negeri di Bawah Bayu menerima kemasukan pelaburan berjumlah RM10.2 bilion dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Musa menyifatkannya sebagai perkembangan memberangsangkan yang membuktikan kemampuan Sabah mewujudkan persekitaran pelaburan kondusif.

“Perkembangan sektor perindustrian dengan sendirinya mewujudkan peluang pekerjaan yang memanfaatkan masyarakat setempat.

“Ini penting kerana kita mahu rakyat Sabah bekerja di tempat



Taman Perindustrian Kota Kinabalu.

sendiri dan memiliki kemahiran supaya dapat membantu dalam meningkatkan ekonomi keluarga.


“Di akhirnya, rantai ini akan membolehkan Sabah menjadi antara negeri utama di bidang perindustrian dan dilengkapi pekerja mahir,” katanya.

Jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan diyakini terus meningkat kerana pelabur selesa dengan suasana aman dan stabil di Sabah, selain perpaduan masyarakat berbilang kaum serta agama di negeri ini.

Keyakinan itu juga bersandarkan strategi kerajaan negeri menerusi pelbagai inisiatif, penyediaan kemudahan dan kawasan yang memberi keselesaan kepada pelabur.

Antara inisiatifnya adalah pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) yang menempatkan pelabur dan agensi kerajaan negeri bagi memudahkan dua pihak berkenaan berurusan.

KKIP yang berkeluasan 3,366 hektar di Sepanggar, mempunyai pelbagai kemudahan mesra pelabur seperti jalan raya selesa serta



Musa melawat projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) yang menjadi pintu masuk utama ke negeri ini dan membantu meningkatkan jumlah pelaburan.

berhampiran Pelabuhan Kontena Kota Kinabalu.

Kerajaan negeri turut membangunkan kawasan perindustrian baru seperti Industri Berkelompok Kelapa Sawit (POIC) di Lahad Datu bagi memajukan sektor pembuatan di pantai timur Sabah.

Tempias pembangunan POIC turut dinikmati sektor hartanah apa-

bila projek hartanah berhampiran kawasan itu melonjak.

Seperti kerap disebut Musa matlamat utama setiap program pembangunan ialah untuk memudahkan hidup rakyat, seiring gagasan 1Malaysia ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mahukan ‘rakyat didahulukan pencapaian diutamakan.’